



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM  
 JABATAN SEKOLAH  
 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
 PERSIARAN DUTA OFF JALAN DUTA  
 50604 KUALA LUMPUR

TEL NO : 03-6201 1522  
 FAKS : 03-6201 0861  
 LAMAN WEB : <http://www.ppk.kpm.my>

52/12/2004 (p)

Ruj. Tuan :  
 Ruj. Kami : KP(PPK) 018/10 Jld. 26(52)  
 Tarikh : 6 Disember 2004

Semua Pengarah Pelajaran  
 Jabatan Pelajaran Negeri



Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan

**PERUNTUKAN WAKTU BARU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**

Sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan Surat Siaran: Perubahan Peruntukan Masa Dalam Jadual Waktu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah bertarikh 8 November 2004 adalah dirujuk.

2. Berikutan daripada perkara itu, bersama ini disertakan **Jadual Peruntukan Masa Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Mengikut Tajuk Dalam Bahagian Teras dan Pilihan Di Tingkatan 1, 2 dan 3** untuk makluman dan tindakan Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.


3. Sehubungan itu, mohon jasa baik Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan untuk memanjangkan surat makluman ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah dan pentadbir sekolah-sekolah menengah di bawah jagaan Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan.

Perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, atas perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
 (MAHZAN BIN BAKAR AMP)  
 Pengarah  
 Pusat Perkembangan Kurikulum

*KU Vo Tek,*  
*Ut. Tindakan*  
*Segara,*  
  
 16/12/04

- s.k. i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Jabatan Sekolah)

**PERUBAHAN PERUNTUKAN MASA  
DALAM JADUAL WAKTU SEKOLAH MENENGAH  
MULAI TAHUN 2005**

**Peruntukan Masa Mengajar Kemahiran Hidup Bersepadu  
Bagi Tingkatan 1 Berkuatkuasa Mulai Tahun 2005**

1. Mulai tahun 2005, kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) mengikut Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran (edisi tahun 2002) hendaklah dilaksanakan mengikut peruntukan waktu baru seperti dalam Jadual dilampirkan.
2. Peruntukan masa baru bagi pengajaran KHB mulai tahun 2005 adalah 120 waktu setahun dengan agihan tiga waktu (bersamaan 120 minit) dalam seminggu.
3. Kohort murid yang terlibat dengan perubahan jadual waktu pada 2005 adalah murid Tingkatan 1. Seterusnya perubahan ini akan melibatkan murid Tingkatan 2 pada tahun 2006, dan akhirnya murid Tingkatan 3 pada tahun 2007.